

## FAKTOR CHINA DALAM DASAR LUAR INDONESIA<sup>©Σ</sup>

SITI SUHAIZA SENIN \*

---

### ABSTRAK

Kajian ini meneroka kesan kebangkitan China terhadap dasar luar Indonesia, dengan memberi tumpuan kepada perubahan sejarah antara ketegangan dan keharmonian dalam hubungan dua hala mereka. Penyelidikan ini bertujuan menganalisis pengaruh pertumbuhan ekonomi China terhadap dasar luar Indonesia melalui tiga faktor utama: sistemik (pertumbuhan ekonomi China), domestik (keutamaan ekonomi dan politik Indonesia), dan individu (peranan kepimpinan). Dengan menggunakan metodologi kualitatif serta kerangka analisis tiga tingkat yang berasaskan teori dasar luar, kajian ini menekankan bagaimana faktor sistemik telah mengubah dinamika hubungan Indonesia-China, sekaligus mengukuhkan pengaruh China di Asia Tenggara. Walaupun China dilihat sebagai ancaman yang berpotensi, keutamaan domestik dan keputusan kepimpinan di Indonesia telah memudahkan hubungan yang lebih harmoni. Kerjasama ini bukan sahaja menyokong kestabilan ekonomi dan kesinambungan politik Indonesia, tetapi juga menyumbang kepada kestabilan serantau yang lebih luas di Asia Tenggara. Hasil kajian ini menawarkan pandangan penting mengenai hubungan antara faktor sistemik dan domestik dalam membentuk keputusan dasar luar dalam konteks kuasa yang sedang meningkat.

**Kata Kunci:** Tingkat analisis; dasar luar Indonesia; hubungan Indonesia-China; kebangkitan China

---

© The Author(s). 2024. Published by UKM Press on behalf of SPHEA, FSSH, UKM, and MAFDC. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution License (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits unrestricted reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

<sup>Σ</sup> **Article Info:** Submission date: 29 December 2024; Acceptance date: 31 December 2024; Publication Date: 31 December 2024.

\* **First and Corresponding Author:** Siti Suhaiza Senin, M. Soc. Sc (UKM), Pensyarah di Kolej Perdana, Selangor. Email: suhaiza\_sss@yahoo.com



**CHINA'S FACTOR IN INDONESIA'S FOREIGN POLICY**SITI SUHAIZA SENIN

---

**ABSTRACT**

*This study examines how China's rise has influenced Indonesia's foreign policy towards China, focusing on the historical shifts between tension and harmony in their relations. It aims to analyze the impact of China's economic growth on Indonesia's foreign policy through three main factors: systemic (China's economic rise), domestic (Indonesia's economic and political interests), and individual (leadership roles). The study also evaluates the implications for Indonesia's economic continuity and political stability. Using a qualitative approach and applying foreign policy concepts with a three-level analysis framework, the study argues that systemic factors have reshaped the dynamics of Indonesia-China relations, strengthening China's influence in Southeast Asia. Despite perceiving China as a potential threat, domestic factors and Indonesia's leadership have facilitated a more harmonious relationship. This cooperation has supported Indonesia's economic stability and political continuity, as well as contributed to broader regional stability in Southeast Asia.*

**Keywords:** *Level of analysis; Indonesian foreign policy; Indonesia-China relations; the rise of China*

## Pengenalan

Kebangkitan China telah membawa perubahan besar dalam struktur sistem rantau Asia Tenggara dan mempengaruhi dasar luar negara di Asia Tenggara iaitu Indonesia kerana telah menghadapi perubahan signifikan dalam struktur politik dan ekonomi. Hubungan Indonesia-China pernah melalui fasa ketegangan, konfrontasi dan fasa harmoni. Justeru, signifikan kajian ini dapat merungkai impak kebangkitan China terhadap dasar luar Indonesia, memahami interaksi antara Indonesia-China serta pengaruh China terhadap kestabilan politik dan ekonomi Indonesia khususnya dan di Asia Tenggara amnya.

Justeru, objektif pertama kajian adalah untuk mengkaji dasar luar Indonesia. Objektif kedua adalah untuk memahami bagaimana kebangkitan China mempengaruhi dasar luar Indonesia dengan memberi perhatian khusus kepada faktor sistem (kebangkitan ekonomi China), faktor domestik (kepentingan ekonomi dan politik Indonesia) dan faktor individu (peranan pemimpin Indonesia). Objektif ketiga akan melihat impak pengaruh kebangkitan China dalam kelangsungan ekonomi dan kestabilan politik Indonesia khususnya dan kestabilan rantau Asia Tenggara amnya.

Hasil kajian menghujahkan faktor sistemik iaitu kebangkitan China telah mengukuhkan hubungan antara Indonesia dengan China. mengubah dinamik hubungan Indonesia-China, meningkatkan pengaruh, kedudukan dan kuasa China di Asia Tenggara. Pada masa yang sama, kebangkitan China telah membentuk persepsi ancaman dan mencetuskan ketegangan dalam beberapa aspek terutamanya dalam konteks ancaman geopolitik. Faktor domestik Indonesia dan faktor kepimpinan Indonesia telah berjaya mempengaruhi hubungan harmoni antara kedua-dua negara demi kelangsungan ekonomi dan politik Indonesia khususnya serta kestabilan rantau Asia Tenggara amnya.

Artikel ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu;

1. **Pengenalan:** membincangkan tentang latar belakang dan isu pengaruh kebangkitan China dalam dasar luar Indonesia, signifikan kajian skop kajian, objektif kajian, hujahan kajian ini dan struktur kajian ini.
2. **Metodologi Kajian:** pendekatan kajian, sumber dan skop.
3. **Dasar Luar Indonesia Terhadap China (Awal – Pasca Perang Dingin)**
  - a. Faktor Sistemik
  - b. Faktor Domestik
  - c. Faktor Individu
4. **Rumusan:** Analisis impak pengaruh kebangkitan China dalam dasar luar Indonesia, kesimpulan, kajian masa depan.

## Metodologi

### *Sumber Data dan Kaedah Menganalisis Data*

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan yang terdiri daripada data sekunder. Sumber data sekunder adalah gabungan data makro sejarah seperti kajian perpustakaan dan data makro kontemporari seperti ucapan pemimpin, laporan media arus perdana atau laman rasmi atas talian. Bagi kaedah menganalisis data, sumber-sumber data ini dikelaskan kepada tiga bentuk wacana iaitu :

- i. Faktor Sistemik (Fasa Perang Dingin -Pasca Perang Dingin)
- ii. Faktor Domestik (Fasa Perang Dingin -Pasca Perang Dingin)
- iii. Faktor Individu (Fasa Perang Dingin -Pasca Perang Dingin)

### ***Pendekatan Kajian : Konsep Dasar Luar dan 3 Level Analysis***

Konsep dasar luar yang merujuk kepada prinsip dasar luar negeri sesebuah negara untuk menganalisis hubungan pengaruh kebangkitan ekonomi China dengan dasar luar dan interaksi antara kedua-dua negara. Konsep 3 level analysis digunakan untuk melihat kepentingan faktor sistemik, domestik dan individu dalam mempengaruhi pembentukan dasar luar sesebuah negara dan interaksi antara negara. Faktor dalaman dan luaran berupaya untuk mempengaruhi hubungan antara negara. Globalisasi yang berlaku di era baru ini telah memberi impak yang besar dalam mencorakkan interaksi antara negara dalam pelbagai aspek mencakupi sosial, politik dan ekonomi.

### ***Skop Kajian***

Apa yang menjadi minat penulis untuk mengangkat topik ini apabila melihat hubungan antara dua buah negara yang pernah yang mengalami beberapa fasa turun dan naik namun kini masih hubungan tersebut masih utuh. Penulis mendapati China dan Indonesia mula menjalinkan hubungan diplomatik sejak awal Perang Dingin, kemudian hubungan ini sempat terputus pada tahun 1965-an akibat daripada perbezaan ideologi dan rasa curiga Indonesia terhadap sokongan negara China kepada Parti Komunis Indonesia (PKI). Namun kini hubungan tersebut mulai terjalin lagi semenjak tahun 1990-an yang diawali dengan pertumbuhan ekonomi China yang mengalami peningkatan yang drastik tanpa dijangka. Kini, setelah berakhirnya Perang Dingin dengan perubahan percaturan politik antarabangsa, kejatuhan ideologi komunisme, keutuhan fahaman demokrasi-liberal, fenomena ini menyumbang kepada kajian yang lebih menarik untuk melihat interaksi dua hala Indonesia-China.

Rasional rantau Asia Tenggara dan negara Indonesia kerana faktor mempunyai hubungan yang sangat istimewa kerana hubungan ini telah terbina sejak berdekad lama dan sehingga kini pada abad ke-21. Selain itu kebangkitan kuasa China telah menjadi cabaran kepada negara-negara Asia Tenggara. Kepentingan nasional, keadaan sosial dan politik Indonesia di awal-awal dekad pembinaan hubungan diplomatik ini juga berbeza dengan kepentingan nasional, keadaan sosial dan politik Indonesia hari ini. Fenomena dan situasi ini menarik ini yang telah minat untuk memfokuskan dengan lebih mendalam kebangkitan ekonomi China dan pengaruhnya terhadap dasar luar Indonesia.

## **Dasar Luar Indonesia Terhadap China (Awal Perang Dingin – Pasca Perang Dingin)**

### ***a. Faktor Sistemik***

China merupakan negara komunis pertama yang mencari hubungan diplomatik dengan Indonesia selepas berakhirnya penguasaan Belanda pada Disember 1949. Hubungan diplomatik Indonesia-China sering mengalami fasa dingin dan harmoni. Pada era Perang Dingin hubungan Indonesia-China tidak pernah berjalan lancar. Hubungan ekonomi antara Indonesia-China telah ditukar dengan perubahan politik kedua-dua negara serta perubahan hubungan serantau dan global. Indonesia dan China menjadi negara bangsa selepas Perang Dunia Kedua namun mempunyai perbezaan sistem sosial. Perbezaan ini mempengaruhi hubungan ekonomi Indonesia-China. Jalinan diplomatik yang erat telah membawa kepada hubungan ekonomi.

### ***Dasar Revolusi China 1978***

Dasar revolusi China secara aktif menyokong pemberontakan komunis di Indonesia dan negara-negara Asia Tenggara. China telah menyemai dan menyebarkan fahaman komunisme terutama kepada negara-negara yang bukan komunis di Asia Tenggara sehingga telah mewujudkan ketidakstabilan politik. Reformasi Ekonomi pada tahun

1978 telah menjadikan China sebagai salah satu negara tujuan terbesar FDI (*Foreign Direct Investment*) dunia dan juga memiliki hubungan yang penting di dalam rantai persediaan dunia. Dari sebuah negara yang begitu terpuruk ekonominya, berpindah menjadi peringkat ke-empat dunia tingkat pertumbuhan ekonomi paling cemerlang di dunia. Sejak tahun 1978 hingga tahun 2008, GDP China meningkat 9,8%, lebih cepat 6,8% dari tingkat pertumbuhan ekonomi dunia dalam tempoh waktu yang sama. Dari tahun 1980 hingga 2008, perekonomian China tumbuh 14 kali ganda (Marison 2009).

### ***Matlamat China Ingin Mengurangkan Pengaruh Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet***

Selain itu kepentingan nasional China dalam membina hubungan dengan Indonesia ialah untuk mengurangkan pengaruh Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Pada awal tahun 1960-an, kedudukan China di peringkat antarabangsa agak lemah dan jauh jika di banding dengan pengaruh Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat kerana China mempunyai hubungan tegang dengan Amerika Syarikat, keretakan politik dan ideologi dengan Kesatuan Soviet dan konflik sempadan dengan India. Oleh itu, China sangat memerlukan Indonesia untuk mengukuhkan pengaruh China di peringkat antarabangsa dan rantau. China berhasrat untuk menubuhkan *New Emerging Forces* (NEFO) sebagai mekanisme baru untuk mengukuhkan pengaruh China dan pada masa yang sama mengurangkan pengaruh Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Bagi China, Indonesia memiliki daya tarikan tersendiri kerana China menganggap Indonesia sebagai sebuah negara yang berpotensi, revolusi dan mampu membantu China dalam menandingi blok Amerika Syarikat dan blok Kesatuan Soviet (John Wong 1987, hlm. 63). Tercetusnya perang ideologi antara blok demokrasi yang dipelopori oleh Amerika Syarikat terhadap komunis iaitu Kesatuan Soviet telah mempengaruhi dasar luar yang dilaksanakan Indonesia.

### ***Pengakhiran Perang Dingin dan Pertumbuhan Ekonomi China***

Pada tahun 1989, dunia telah menjadi saksi kepada satu perubahan yang ketara. Dengan robohnya Tembok Berlin terdapat satu penyatuan bagi sebuah komuniti yang telah terpisah disebabkan ideologi para pemimpinnya. Transformasi politik dunia ini seterusnya melihat kehadiran negara-negara merdeka (*commonwealth of independent state*). Secara tidak langsung, perubahan fizikal negara-negara ini telah memberikan peluang bagi perkembangan ideologi yang berteraskan pemikiran liberal (Nor Azizan, Zarina & Rashila 2011)

Seiring dengan pesatnya pertumbuhan ekonomi China, sistem dunia antarabangsa mengalami perubahan yang cukup besar. Setelah berakhirnya Perang Dingin, berlaku perubahan besar di peringkat antarabangsa. Amerika Syarikat bukan lagi satu-satunya negara kuat yang dapat dijadikan acuan tunggal di dunia. Pada masa kini, tidak ada lagi negara yang dapat benar-benar disebut sebagai negara *superpower* dan kekuatan ketenteraan yang besar bukanlah segalanya. Hal ini mempunyai pengaruh tersendiri bagi China. Perkembangan ekonomi China yang signifikan menjadikan kedudukan China diperingkat antarabangsa semakin diambil utuh. Kebangkitan ekonomi China sebagai tanda aras kepada kemajuan negara-negara dianggap sebagai negara dunia ketiga. China menjadi harapan kebangkitan banyak negara-negara lain. Meskipun demikian, kebangkitan China tidak hanya mendatangkan harapan positif. Di sisi lain, muncul juga pelbagai pandangan dan penilaian. Perbincangan dan perdebatan yang membahas mengenai fenomena kemajuan China mulai memenuhi ruang terbuka. Banyak yang menyanjung, namun tidak sedikit pula yang menyangsikan dan mennganggap kebangkitan China sebagai satu ancaman.

Walter Russel Mead berpendapat bahawa kejayaan ekonomi sebuah negara dapat

menarik negara-negara lain untuk percaya dan meningkatkan pengaruhnya. Beliau percaya bahawa kekuatan ekonomi lebih *sticky* kerana negara yang mengamalkan sistem dan dasar ekonomi yang sama akan lebih sukar untuk meninggalkan sistem tersebut (CSIS 2009).

### ***Peranan Stabilisasi China Pasca Krisis Ekonomi Asia 1997***

Krisis ekonomi yang melanda Asia pada tahun 1997 telah sedikit sebanyak menjadi penggerak kepada kerjasama ASEAN dan China yang lebih erat. Bagi negara-negara ASEAN, sememangnya sukar untuk mengatasi kemajuan ekonomi yang dicapai oleh China. Maka dengan mengadakan kerjasama ekonomi dengan China adalah langkah terbaik. Bagi Indonesia, engagement dengan China merupakan langkah terbaik untuk diambil. Sebagai hal mempromosikan kerjasama Asia Timur dan integrasi, China memainkan peranan sebagai stabilisasi semasa krisis sehingga memperoleh suatu kepercayaan daripada negara-negara ASEAN termasuk Indonesia. Kesan daripada Krisis Ekonomi Asia 1997 ini, China dan negara-negara ASEAN bekerjasama bagi menguatkan kerjasama serantau Asia Timur iaitu mencadangkan pembentukan kawasan perdagangan bebas antara China dan ASEAN sebagai alat untuk mempromosikan integrasi di Asia Timur (Yi 2005, hlm. 14). Selepas Krisis Ekonomi Asia 1997 ini kedudukan China sebagai pasaran utama dan sumber pengeluaran kos yang rendah menjadi lebih penting bagi pemulihan dan lanjutan ekonomi di Asia Tenggara (Yuan 2006, hlm. vi-vii).

Untuk berurusan dalam pelbagai hala rangka kerja dengan China, Indonesia cenderung melalui ASEAN atau ARF (Rizal Sukma 2009, hlm. 595). Krisis Ekonomi Asia 1997 yang melanda Asia telah menyedarkan negara-negara ASEAN untuk lebih bersedia serta melihat peluang-peluang yang boleh dilaksanakan yang bertujuan untuk memperbaiki serta memperkukuhkan lagi struktur ekonomi negara-negara ASEAN. Dengan mewujudkan *ASEAN Free Trade* (AFTA) dilihat sebagai satu langkah bagi negara-negara ASEAN untuk mengukuhkan kerjasama serantau dari segi ekonomi. Merujuk kepada Krisis Ekonomi Asia 1997, kegawatan yang berlaku dilihat tidak memberi sebarang kesan terhadap ekonomi China berbanding dengan keadaan yang dialami oleh negara-negara ASEAN. Di sini jelas bahawa tahap ekonomi ASEAN masih belum mampu untuk menyaingi ekonomi China (Ba 2003).

Kebimbangan juga wujud apabila China membuat penyertaan dalam WTO pada tahun 2001. Hal ini kerana Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan Jepun bergantung kepada pasaran yang sama dengan negara ketiga serta mengeksport produk yang sama. Ini menyebabkan ASEAN menganggap komuniti ASEAN telah kehilangan kerja, perdagangan dan pelaburan di China. Di tambah dengan kemasukan produk China ke pasaran Asia Tenggara yang mana jauh lebih murah menyebabkan produk tempatan tidak mampu untuk bersaing dengan produk China. Namun begitu, disebabkan masalah yang dialami oleh negara-negara ASEAN serta melihat kepada jalinan hubungan yang baik, China telah memperkenalkan beberapa cadangan kepada ASEAN sebagai tindakbalas kepada permasalahan yang dihadapi negara-negara ASEAN. China secara tegas menjelaskan bahawa masih terdapat peluang untuk mengadakan kerjasama yang lebih erat. Berikutan dengan itu, China telah memperkenalkan *ASEAN-China Free Trade Area* (ACFTA) yang memberi peluang kepada negara-negara anggota ASEAN untuk memasuki pasaran China dengan tariff yang lebih rendah sebelum penurunan tariff dikenakan WTO. Dengan usaha rangka kerjasama ini dilihat China berusaha untuk meredakan perasaan curiga dan rasa terancam yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN terhadap kemajuan ekonomi China (Ba 2003).

## ***b. Faktor Domestik***

### ***Isu Ketidakstabilan Politik dan Rampasan Kuasa Gerakan G-30S PKI 1965.***

Pada awal tahun 1960-an Indonesia dan China mencuba menjalin politik radikal yang bermatlamat bergabung untuk berhadapan dengan kuasa barat, namun gagal kerana tekanan politik dalaman Indonesia. Percubaan rampasan kuasa ini dinamakan Gerakan 30 September Parti Komunis Indonesia (G-30S PKI) tahun 1965 yang mendapat sokongan serta bantuan dari Parti Komunis China (PKC) pada ketika itu. Ketidakstabilan politik dalaman Indonesia membawa kepada percubaan rampasan kuasa pada tahun 1965. Pada masa yang sama, Indonesia berhadapan dengan masalah dalam hubungan dengan China terus mengambil keputusan untuk tidak mengambil pendekatan diplomatik dengan China lagi. Hubungan diplomatik Indonesia-China terputus selepas percubaan rampasan kuasa ini (Lukman Thaib 2004, hlm. 210).

### ***Persepsi Komuniti Berkepentingan Indonesia Terhadap Kebangkitan China***

Permulaan hubungan diplomatik pada tahun 1950 cenderung kepada permulaan sejarah yang sukar, persahabatan yang rapat, pergolakan, permusuhan serta syak wasangka. Keadaan ini lebih ketara kepada kumpulan elit dan berkepentingan dalam politik dalaman Indonesia. Pada permulaan hubungan Indonesia-China telah dicemari oleh dasar aktif Beijing yang mempengaruhi politik Indonesia melalui sokongan kewangan kepada etnik Cina Indonesia dan menyokong politik dan kewangan PKI (Rizal Sukma 2009, hlm. 592). Bagi Indonesia, sebagai negara terbesar di Asia Tenggara yang mengalami hubungan yang paling bermasalah dengan China sehingga awal tahun 1990-an, kebangkitan China juga merupakan isu yang telah menarik perhatian pembuat dasar luar, komuniti perniagaan, perancang pertahanan dan ahli akademik. Indonesia berhadapan dengan cabaran merumuskan satu tindak balas yang sesuai ke atas kebangkitan China. Indonesia cenderung untuk berhati-hati dan melihat pendekatan dalam membangun hubungan yang baru dipulihkan dengan China (Rizal Sukma 2009, hlm. 595). Indonesia telah menjalin hubungan diplomatik dengan China pada awal tahun 1950-an. Namun, ini tidak bermakna hubungan Indonesia-China akan berjalan lancar. Hubungan rapuh dan tegang tertakluk kepada pelbagai pergolakan. Terutamanya tertakluk kepada tekanan yang berpunca dari area politik domestik Indonesia, persoalan persepsi di kalangan sektor awam dan peranan golongan elit yang dalam penentu dasar luar Indonesia terhadap China (Rizal Sukma 2009).

## ***c. Faktor Individu***

### ***Pendapat Sukarno Terhadap Rakyat Cina Indonesia***

Semasa kepimpinan Presiden Indonesia pertama iaitu Sukarno, hubungan Indonesia dengan China begitu akrab. Hal ini disebabkan tarikan Indonesia kepada pengalaman China sejak penubuhan China pada tahun 1949. Beberapa nasionalis Indonesia menyatakan kepercayaan bahawa Indonesia dan China berkongsi persamaan dalam sejarah perkembangan dan kekayaan semulajadi. Sukarno berpendapat satu semangat perpaduan dan persaudaraan antara orang Cina Indonesia dan rakyat China kerana kedua-dua ini berasal dari Timur, memiliki sejarah penderitaan yang sama dan golongan yang berjuang menuntut kehidupan yang bebas. Hakikatnya China adalah sebuah negara komunis dan Indonesia terus menganggap China sebagai negara yang memiliki tradisi oriental. Menteri Luar Negeri Indonesia Adam Malik turut berpendapat yang sama iaitu rakyat Cina Indonesia dan China tergolong dalam bangsa yang sama (Hong Liu 2006).

### ***Matlamat Revolusi Ekonomi dan Politik Sukarno***

Ketegangan hubungan dua hala Indonesia-China turut memberi kesan kepada China. Kegagalan diplomatik China terhadap Indonesia merugikan China dan kerugian ini tidak



selari dengan manfaat hubungan diplomatik China dengan negara-negara ASEAN yang lain. Di awal pembinaan hubungan dua hala ini, Sukarno memfokuskan kepada kepentingan nasional Indonesia iaitu untuk melaksanakan revolusi ekonomi dan politik di bawah kepimpinan demokrasi (John Wong 1987, hlm 63).

### ***Hasrat Sukarno Kepada China Dalam Isu Papua Barat***

Selain itu, isu Papua Barat turut mempengaruhi hubungan Indonesia-China. Antara tahun 1950-1957 pelbagai usaha diplomasi telah dilakukan oleh Indonesia untuk selesaikan isu Papua Barat. Pada fasa awal, Sukarno mendapatkan bantuan daripada negara-negara barat untuk selesaikan kes Papua Barat namun tiada maklum balas daripada negara-negara barat ini untuk bersama membantu Indonesia. Sukarno akhirnya terpaksa meminta bantuan daripada negara komunis China dan Rusia. Sukarno juga telah memberi kebenaran penglibatan Parti Komunis Indonesia dalam Pilihan Raya 195 sehingga menyebabkan PKI telah memperoleh 6 juta undian yang bersamaan dengan 16 peratus dari jumlah penduduk Indonesia. PKI juga menjadi parti keempat terbesar di Indonesia. Kejayaan politik PKI mula menimbulkan kerisauan kepada Australia. Pada tahun 1963, anggota PKI telah mencapai 6.5 juta orang seterusnya menjadi parti komunis terbesar di dunia selepas Kesatuan Soviet (Osborne 2001, hlm. 39-40).

### ***Hasrat Sukarno Kepada China Dalam Isu Ganyang Malaysia***

Selain itu faktor yang mendorong Sukarno untuk membina hubungan diplomatik dengan China ialah pembentukan Malaysia yang dianggap sebagai ciptaan neo-kolonis dan percaturan pengaruh imperialis untuk menghalang hegemoni Indonesia terhadap negara-negara Malaya. Untuk melancarkan kempen konfrontasi untuk menggayang Malaysia, Sukarno sangat memerlukan sokongan diplomatik dan kewangan dari China (John Wong 1987, hlm 63).

### ***Kritikan Suharto Kepada China***

Tampuk kepimpinan beralih kepada Suharto yang pada ketika itu sedang menjawat jawatan Major Jeneral. Suharto secara terang telah menuduh China kerana telah bersubahat dalam percubaan rampasan kuasa. Pada 23 Oktober 1967 hubungan diplomatik antara Indonesia-China telah dibekukan oleh Indonesia (Rizal Sukma 2009, hlm. 593). Peristiwa yang berlaku ini sangat membawa kesan yang negatif kepada hubungan Indonesia-China. Hubungan perdagangan langsung yang semakin berkembang mula terhenti sedangkan perdagangan yang tidak langsung diambil melalui Hong Kong dan Singapura.

### ***Presiden Wahid dan Pendemokrasian Baru Indonesia Sejak 1998***

Hubungan Indonesia dengan China semakin meningkat sejak tahun 1998 apabila domestik Indonesia yang telah sentiasa menjadi satu faktor penting dalam dasar Jakarta ke arah Beijing mula mengalami perubahan asas. Sejak pendemokrasian baru, Indonesia seolah-olah mengejar satu sikap yang amat berbeza dan dasar khusus ke arah China. Usaha untuk memperbaiki hubungan dengan China tiba-tiba menjadi suatu perkara yang mendesak dalam mana-mana wacana dasar luar Jakarta. Presiden Abdulrahman Wahid menjadi presiden pertama di luar negara dan ini menjadikan hubungan Indonesia-China meningkat baik (Rizal Sukma 2009, hlm. 596).

Terdapat beberapa alasan yang menjadikan Presiden Wahid ingin memupuk hubungan baik dengan China iaitu yang pertama sebagai rasa ketidakpuashatian hati Indonesia dengan peranan dominan yang dimainkan oleh Barat dalam ha ehwal antarabangsa; kedua berkhidmat dengan keperluan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi melalui pengukuhan keyakinan peringkat tempatan dan antarabangsa terutamanya antara komuniti Cina Indonesia dengan komuniti perniagaan China. Usaha

yang dilakukan oleh Presiden Wahid ini adalah memulakan satu siri dasar dengan menghapuskan peraturan-peraturan diskriminasi terhadap masyarakat Cina di Indonesia, ketiga menekan kepentingan dalaman dalam memelihara keutuhan wilayah Indonesia dan China menyokong usaha kerajaan Indonesia dalam mengekalkan perpaduan dan keutuhan wilayah ini.

### ***Peranan Presiden Megawati Sukarnoputri***

Selanjutnya Indonesia pada masa kepimpinan Presiden Megawati Sukarnoputri juga telah meneruskan dasar memperbaiki hubungan dengan China. Presiden Megawati membuat lawatan pertama ke China semasa lawatan Asia pada bulan Mac 2002 dimana kedua-dua negara bersetuju untuk mengembangkan kerjasama dua hala dalam semua sektor, terutamanya tenaga dan *agriculture*. Malah ia telah menunjukkan bahawa sektor tenaga telah menjadi tumpuan utama dalam hubungan Indonesia-China. Pada bulan April 2002, perdagangan dua hala meningkat. Sebagai contoh PetroChina yang memperolehi minyak dari Devon Tenaga dan *China National Offshore Oil Corporation (CNOOC)* juga telah memperolehi asset dalam sektor minyak dan gas Indonesia. Selain itu, Indonesia juga mula sensitif dengan perhatian Beijing ke atas Taiwan. Sebagai contoh pada Disember 2001, Menteri Luar Indonesia Hassan Wirayuda telah menolak permintaan Presiden Taiwan Chen Shuibian untuk melawat Indonesia. Ini adalah salah satu bentuk kesefahaman Indonesia dengan China (Rizal Sukma 2009, hlm. 596).

### ***Peranan Presiden Susilo Bambang Yudhoyoo***

Pada masa kepimpinan Presiden Susilo Oktober 2004, Indonesia telah menjadikan China sebagai rakan kongsi perdagangan yang kelima terbesar bagi Indonesia. Pada tahun yang sama, eksport Indonesia ke China meningkat 232% dari tahun 2003, berjumlah \$12600000000. Jumlah isipadu perdagangan melonjak kepada \$16800000000 dalam 2005. Kerjasama antara kedua-dua negara juga telah berkembang dengan pesat termasuk kawasan-kawasan lain di luar perdagangan seperti tenaga, keselamatan dan pertahanan. Asas kerjasama dua hala lebih kukuh pada 25 April 2005 apabila Presiden Yudhoyono dan Presiden China Hu Jintao telah menandatangani perjanjian untuk mewujudkan satu "perkongsian strategik" antara kedua-dua negara. Semasa Lawatan Presiden Yudhoyono ke China pada bulan Julai 2005, kedua-dua negara membuat kesimpulan beberapa perjanjian utama meliputi bukan sahaja kerjasama kawasan tradisional seperti perdagangan dan pelaburan, tetapi juga kerjasama dalam bidang teknologi keselamatan dan pertahanan. (Rizal Sukma 2009, hlm. 596).

Indonesia dan China juga telah mengembangkan hubungan yang positif. Lawatan oleh pemimpin kedua-dua negara telah menjadi lebih sering dan perdagangan telah meningkat laju. Bantuan China kepada Indonesia yang paling jelas adalah dalam bidang bantuan kewangan. Ketika krisis kewangan di Asia melanda Indonesia, China mengambil inisiatif untuk memberikan bantuan. Sebanyak US\$ 400 juta dalam bentuk pinjaman siap sedia sebagai sebahagian daripada pakej menyelamatkan IMF, selain itu, China juga menyumbangkan US\$ 200 juta kredit eksport fasiliti, dan bantuan China berterusan datang untuk tahun-tahun berikutnya. Antara tahun 1999, dan 2003 China menyediakan bantuan RMB sebesar 180 million. Semasa Indonesia dilanda musibah besar Tsunami pada 2004, China merupakan salah satu negara pertama yang memberikan tidak hanya bantuan kewangan, tetapi juga bantuan perubatan (Yuan 2006, hlm. 21)

## **Kesimpulan**

Indonesia dan China pernah menandatangani perjanjian pertama perdagangan dua hala pada tahun 1953. Setelah itu, perdagangan dan import antara Indonesia-China terus meningkat. Disebabkan oleh peristiwa pada 30 September 1965 ia mengakibatkan

hubungan Indonesia-China terus terputus. Peringkat sistemik lebih kepada senario yang berlaku di peringkat antarabangsa. Penubuhan *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) pada 1967 selepas tamatnya konfrontasi antara Indonesia dan Malaysia dilihat sebagai satu idea dan cara untuk mencapai kesejahteraan dan keamanan serantau tanpa memerlukan kebergantungan yang maksimum terhadap kuasa barat. Kebergantungan negara-negara Asia Tenggara terhadap kuasa barat dalam menjamin kesejahteraan rantau telah mengalami perubahan persepsi apabila kuasa besar (seperti British dan Amerika Syarikat) meninggalkan rantau Asia Tenggara. Tindakan ini telah membuatkan negara-negara di Asia Tenggara cuba mencari jalan penyelesaian lain bagi menjamin keamanan serantau. Perubahan persepsi ini juga telah membawa negara-negara Asia Tenggara kepada kerjasama multilateral yang lebih erat untuk mencapai matlamat bersama di peringkat rantau.

Interaksi yang terjalin antara Indonesia terhadap China perlu dilihat dalam pelbagai aspek agar dapat menghuraikan bentuk dasar yang boleh dilaksanakan oleh Indonesia. Fokus perlu diberikan kepada persoalan sejauhmana kebangkitan China mempengaruhi dasar luar Indonesia terhadap China, faktor domestik dan faktor individu merujuk kepada pemimpin negara Indonesia. Tidak dinafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh pemimpin-pemimpin ini dalam mempengaruhi dan membentuk dasar luar negara Indonesia terhadap China amat besar.

Faktor domestik dan sistemik juga tidak kurang penting dalam mencorakkan interaksi antara negara. Pada peringkat domestik, negara akan berusaha untuk memastikan kelangsungan serta mempertahankan kedaulatan agar tidak diancam oleh mana-mana negara atau institusi. Selain itu kepentingan politik di peringkat domestik juga berupaya untuk mempengaruhi setiap tindakan yang cuba dilakukan oleh sesebuah negara terhadap negara lain. Bagi menjamin kelangsungan politik domestik ini, pelbagai usaha dapat diperhatikan dalam mencapai serta memastikan kelangsungan matlamat politik domestik.

Justeru, cadangan kajian masa hadapan dapat memfokuskan kepada tahap perasaan curiga dan persepsi ancaman yang masih membelenggu negara-negara ASEAN terutamanya negara yang terlibat dengan perebutan Pulau Spratly. Masalah diperingkat sistemik dilihat sedikit sebanyak mempengaruhi tidakan negara-negara yang terlibat. Ditambah dengan tindakan China yang berusaha untuk memodenisasikan kekuatan ketenteraan dilihat memberi ancaman kepada ASEAN. Jika kebangkitan ekonomi dan politik China merapatkan jurang antara China dengan negara-negara ASEAN, bagaimanakah dengan kebangkitan kuasa ketenteraan China? Adakah kebangkitan kuasa ketenteraan China akan menjadi punca ketegangan hubungan China dengan negara-negara ASEAN amnya dan Indonesia khususnya.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati semakin berpengaruh suatu negara di dunia, akan semakin kuat dan tinggi kedudukan negara tersebut di hadapan negara-negara lain. semakin kuat kedudukan sebuah negara di hadapan negara-negara lain, tentu akan memudahkan kerajaan negara-negara tersebut untuk mencapai kepentingan nasional negaranya di peringkat antarabangsa. Menyedari besarnya pengaruh pandangan masyarakat antarabangsa terhadap kedudukan dan keberadaan sesebuah negara di dunia, China mulai menyusun pelbagai usaha untuk mendapatkan kepercayaan awam dan meningkatkan pengaruh di dunia antarabangsa. Kerjasama dalam bidang ekonomi memperlihatkan kesepakatan antara negara-negara yang terlibat sehingga mampu mewujudkan kestabilan serantau. Bermula dengan kerjasama yang melibatkan hanya dua pihak sahaja telah mengalami revolusi kepada bersifat multilateral. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mamastikan kelangsungan kerjasama ekonomi dan dalam masa yang

sama berupaya untuk memastikan keamanan serantau terjamin. Peranan diperingkat pemimpin dilihat telah mempengaruhi dasar luar kedua-dua negara untuk terus berkerjasama.

### Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada penilai-penilai tanpa nama daripada SINERGI atas maklum balas konstruktif mereka dalam meningkatkan kualiti manuskrip ini. Para penulis juga amat berterima kasih atas komen dan ulasan mereka terhadap versi awal draf ini.

### Rujukan

- Ba, D. Alice. 2003. "China and ASEAN: Renavigating Relations for a 21st Century Asia." *Asian Survey* 43(4): 622–647.
- CSIS Smart Power Initiative. 2009. "Chinese Soft Power and Its Implications for the United States: Competition and Cooperation in the Developing World." *A Report of the CSIS Smart Power Initiative*. Washington DC: CSIS
- Hong, Liu. 2006. "The Transnational Construction of 'National Allegory': China and the Cultural Politics of Postcolonial Indonesia." *Critical Asian Studies* 38(3): 179–210.
- Lai, Hong Yi, and Ting Seng Lim. 2007. *Harmony and Development: ASEAN-China Relations*. Singapore: World Scientific.
- Morison, Wayne M. 2009. *China Economic Condition*. Washington DC: CRS Report for Congress.
- Nor Azizan Idris, Zarina Othman, and Rashila Ramli. 2011. "Konstruktivisme Sosial dan Hubungan Antarabangsa Malaysia." *Akademika* 81(1): 39–50.
- Osborne, Robin. 2001. *Kibaran Sampari: Gerakan Pembebasan OPM dan Perang Rahasia di Papua Barat*. Jakarta: Elsam.
- Sukma, Rizal. 2009a. "Indonesia's Response to the Rise of China: Growing Comfort Amid Uncertainties." *NIDS Joint Research Series* 4: 139–155.  
[https://www.nids.mod.go.jp/english/publication/joint\\_research/series4/series4html](https://www.nids.mod.go.jp/english/publication/joint_research/series4/series4html).
- Sukma, Rizal. 2009b. "Indonesia-China Relations: The Politics of Re-engagement." *Asian Survey* 49(4): 591–608.
- Thaib, Lukman. 2004. "Kedinamikan Hubungan ASEAN-China: Rujukan Khas ke Atas Malaysia." In *China: Isu dan Hubungan Luar*, edited by Obaidellah Mohamad. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wong, John. 1987. *Politik Perdagangan Cina di Asia Tenggara*. Jakarta: Bumi Aksara.

- Yi, Xiaohong. 2005. "ASEAN-China Free Trade Area: A Key Step Toward Pan-Asia Economic Integration—from the Perspective of Comparison with NAFTA and EU." Unpublished Master's thesis, University of Arizona, USA.
- Yuan, Jing-Dong. 2006. *China-ASEAN Relations: Perspective, Prospects and Implication for U.S. Interests*. Monograph, Books and Publications. US Army War College: USAWC Press.